

PM gesa syarikat berkaitan hulur bantuan

Pemberian BKK Aidilfitri sejahtera ekonomi negara

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

Wilayahku - 5/4/2024 m/s: 3

GESAAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PLIC), Insituti Perbankan, Badan Berkanun dan agensi swasta untuk mempertimbangkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) dilihat dapat memberikan kesejahteraan ekonomi negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM) Dr Mohd Zaidi Md Zabri menyifatkan gesaan itu adalah demi memastikan kesejahteraan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja.

"Sekiranya semua pihak yang dinyatakan itu menyahut seruan Perdana Menteri, ia akan memberikan impak yang besar kepada golongan pekerja memandangkan mereka turut memperolehi durian runtuh dan pada masa sama dapat meningkatkan prestasi mereka.

"Selain itu, di atas sikap rakyat Malaysia yang gemar berbelanja khususnya untuk persediaan men-

yambut lebaran, ia dijangka dapat merancakkan lagi ekonomi sekali gus dapat merangsang pertumbuhan negara," katanya. -

Mohd Zaidi berkata gesaan ini adalah tertakluk kepada prestasi syarikat masing-masing kerana di dalam perniagaan untung dan rugi merupakan perkara yang biasa dan berkemungkinan tidak semua yang dapat melaksanakan perkara itu.

"Apabila kita bercakap mengenai GLC dan GLIC ini, kita kena lihat kepada implikasi kewangan dan sifat-sifat GLC ini berbeza kerana ada yang dimiliki Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, ada juga di bawah Kementerian Kewangan dan ada yang menjana keuntungan dan ada juga tidak.

"Bagi saya GLC ini memang menjana keuntungan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan memang tiada masalah jika berikan BKK memang mereka membuat keuntungan.


"Tetapi ada juga GLC yang tidak membuat keuntungan dan kebiasaannya disandarkan kepada Kerajaan Negeri dan jika tidak

membuat keuntunganpun ia akan dibantu kerana mereka tidak mempunyai kakitangan yang ramai seperti KWSP," ujarnya.

Menurut Mohd Zaidi, gesaan tersebut juga tidak terikat dengan perundangan namun ia dilihat selari dengan semangat dan aspirasi kerajaan hari ini dan bertepatan dengan kerangka Malaysia MADANI.

Jelasnya, sikiranya kesemuanya menyahut seruan Perdana Menteri, limpahan besar ekonomi dapat dilihat dengan ketara memandangkan jumlah kakitangan mereka ramai.

"Secara umumnya, menurut data yang dikeluarkan pada tahun 2021 dan 2022, negara mempunyai kira-kira 500 ribu pekerja di sektor GLC dan jika dicampurkan jumlah penjawat awam 1.6 juta yang menerima BKK sebanyak RM500, ia akan memberikan kesan limpahan ekonomi yang bagus untuk negara," katanya.

Sementara itu, Mohd Zaidi berkata, Institusi Perbankan turut mempunyai pilihan untuk menyahut seruan Perdana Menteri dalam memberi BKK dan ia tidak menyalahi undang-undang sekiranya tidak diikuti. 



MOHD ZAIDI